

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

BAB 5

KESIMPULAN DAN SARANAN

5.1 PENDAHULUAN

Islam telah memainkan peranan yang besar dalam pembentukan kesenian di Malaysia dan berupaya mencorakkan tradisi ke arah yang lebih hakiki dan mempunyai nilai-nilai yang murni. Kaligrafi, sebagai kesenian Islam, mempunyai asas yang amat kukuh, iaitu akidah, akhlak dan syarak. Sumbernya pula tinggi sekali, iaitu wahyu daripada Allah s.w.t yang terdiri daripada al-Quran dan al-hadis.

Kesenian merupakan unsur utama yang membentuk sesuatu tamadun. Kaligrafi Islam di Malaysia hari ini telah memancarkan kilauan peradaban yang merupakan lanjutan warisan dari tamadun Islam sejak abad ke-7 M lagi. Kaligrafi juga merupakan kesenian yang mendapat penghormatan yang tertinggi, khususnya tulisan Arab yang digunakan dalam penulisan firman Allah s.w.t, kalam rasul dan kalam hakim.

Ini menjadikan kaligrafi Islam bukan sahaja sebagai seni tulisan yang indah malah melalui kepelbagaian jenisnya, kaligrafi Islam telah digunakan begitu meluas dalam era dunia Islam, sekaligus membantu menambahkan seri dan kegemerlapan kesenian Islam yang terunggul ini.

5.2 ASPEK-ASPEK KEROHANIAN YANG MENDASARI SENI KALIGRAFI ISLAM DI MALAYSIA

Keunggulan kaligrafi, sebagai seni rupa Islam, didasari oleh beberapa ciri kerohanian yang mengaplikasikan pengertian melalui wilayah pemahaman tentang konsep ketuhanan. Ini jelas terpancar melalui manifestasi kaligrafi Islam, khususnya di Malaysia, yang amat menekankan formula zikir, keabstrakan, dan tujuan keseluruhannya yang kembali kepada Allah s.w.t. Kaligrafi atau *tahsin al-khutut* menjadi suatu penterjemahan simbolik terhadap kepercayaan ke arah ke-Esaan Allah s.w.t sebagai Yang Maha Agung.

5.2.1 Zikir

Produk yang terhasil daripada kesenian Islam biasanya mengandungi suatu penterjemahan simbolik terhadap kepercayaan dan pemahaman mengenai konsep ketuhanan (Allah s.w.t) sebagai Yang Maha Agung. Konsep itu dizahirkan dalam bentuk garisan, warna, irama, dan sebagainya.

Kepercayaan kepada Allah s.w.t ini terakam dalam formula tauhid dan zikir yang dizahirkan dalam bentuk tulisan yang indah atau kaligrafi Islam. Kekudusan seni kaligrafi Islam ini juga berfungsi menarik manusia untuk berkumpul dalam satu kesatuan ibadat untuk mengabdikan diri kepada Allah Yang Maha Esa.

Tauhid ialah kepercayaan yang menyeluruh terhadap keesaan Allah s.w.t dan zikir pula merupakan sebutan dan ingatan terhadap nama-nama Allah yang dilakukan secara berulang (Teuku Iskandar, 1989:1472). Kepentingan tauhid dan zikir banyak

dinyatakan dalam al-Quran dan hadis nabi. Nas-nas al-Quran yang menyatakan tentang *dzikrullah* umpamanya “Dan tetaplah memberi peringatan (*zakkir*), kerana sesungguhnya peringatan (*zikraa*) itu bermanfaat bagi orang-orang yang beriman” (Al-Quran, Adz-Dzaariyat:55), “Hai orang-orang yang beriman, berzikirlah (*zkuru*) (dengan menyebut nama) Allah, zikir (*zikran*) yang sebanyak-banyaknya” (Al-Quran, Al-Ahzab:41), “Dan sesungguhnya (ayat-ayat) ini adalah suatu peringatan (*tazkiratun*)...” (Al-Quran, Al-Insaan:29) dan “...dan sesungguhnya dengan mengingat Allah (*zikru*) adalah lebih besar (keutamaannya dari ibadat-ibadat yang lain)” (Al-Quran, Al-Ankabuut:45).

Secara tidak langsung, hubungan antara tauhid dan zikir kepada Allah s.w.t bukan hanya terbatas dalam waktu solat, bahkan menjadi suatu tuntutan yang harus dilakukan sepanjang masa oleh setiap muslim, sesuai dengan firman Allah s.w.t yang bermaksud “Tidakkah kami ciptakan jin dan manusia kecuali agar mereka menyembah-Ku” (Al-Quran, Adz-Dzaariat:56). Dalam hal ini, kesenian kaligrafi Islam yang didukung oleh tauhid dan zikir menjadi ciri-ciri khusus dalam kesenian Islam yang mempunyai hubungan yang rapat dengan ibadat seorang Muslim.

Kaligrafi, sebagai citra seni Islam, yang bertolak dari *dzikrullah*, tercermin dalam karya-karya seninya baik bercorak bunga-bunga atau geometri yang berdasarkan bentuk segitiga, segiempat, bintang, heksagon (Wilson, Eva, 1991:15) yang memenuhi hampir keseluruhan permukaan. Manifestasi zikir dalam kesenian kaligrafi Islam banyak terdapat pada seni bina – masjid, bangunan, makam, bahan-bahan seperti arca, barang-barang perhiasan rumah dan sebagainya.

5.2.2 Kualiti Abstrak

Model abstrak banyak mendominasi cabang-cabang seni Islam, umpamanya dalam penghasilan kesenian kaligrafi. Model ini mempunyai hubungan yang rapat dengan konsep tauhid dan zikir. Keesaan Allah atau tauhid tidak berkompromi dan diekspresikan di luar bentuk-bentuk benda, kecuali dengan bentuk yang persepsinya yang bertujuan memberikan kepada jiwa seseorang sesuatu naluri tentang adanya suatu orde yang bersifat matematik, rasional, harmonis, dan berirama.

Model abstrak adalah model yang paling tepat untuk mengekspresikan kewujudan Allah yang diilhamkan melalui penciptaan seni. Bagi seniman muslim, berseni adalah mengabstrakkan proses keyakinan individu terhadap Yang Ada (Allah s.w.t), yang tidak mungkin divisualkan melalui bentuk-bentuk alam benda (Ali Akbar, 1995:3). Kalau Allah seperti yang disebut dalam al-Quran sebagai Maha Melihat, maka pengertiannya bukan bermaksud Ia mempunyai mata. Kalau Ia Maha Mendengar, atau mempunyai tangan, juga tidak bererti bahawa Ia mempunyai telinga dan tangan seperti manusia (Al-Quran, Al-Fath:10).

Semua penyebutan, baik dalam al-Quran, Asma'-al-Husna, mahupun dua puluh sifatNya, hanyalah untuk menjelaskan kewujudan Allah s.w.t dan kewujudanNya yang mesti diyakini oleh setiap manusia. Lantaran apabila kewujudan Allah s.w.t tidak dapat digambarkan melalui kewujudan alam, imaginasi diolah untuk menghasilkan pola, ritma, dan irama ke arah kesedaran yang tinggi terhadap Allah s.w.t, sekaligus mengekspresikan keindahanNya.

Justeru itu, dapatlah difahami bahawa satu sifat seni Islam yang sangat menonjol, ialah pengulangan. Pola geometri atau bunga-bunga telah dibuat secara berulang-ulang sehingga menutupi hampir seluruh permukaan, yang menjadi lambang hubungan antara Allah s.w.t dan nilai-nilai estetika Islam. Ini jelas menunjukkan bahawa cabang-cabang kesenian Islam yang dihasilkan oleh kaligrafi Islam seperti lukisan miniatur, pola-pola hiasan bunga-bunga dan geometri, kesemuanya bertolak dari idea abstrak. Ali Akbar telah memetik kenyataan daripada Dr. Quresyi, seorang ahli seni dari Pakistan yang mengatakan,

“Kecenderungan yang ditunjukkan oleh seni rupa Islam adalah kecintaannya terhadap sesuatu yang abstrak. Prestasi seni rupa Islam yang terbesar dan paling akrab dengan jiwa orang Islam adalah kaligrafi. Kaum muslimin memilih kaligrafi sebagai media utama pernyataan rasa keindahan kerana tidak ada bentuk seni yang lain yang mengandungi ciri-ciri keabstrakan yang lengkap dan mutlak. Asas kaligrafi ini adalah keindahan bentuk, iaitu keindahan ini bukannya suatu peniruan daripada objek yang lain” (Ali Akbar, 1995:5).

5.2.3 Mengubah Dan Mengembalikan Kepada Sumber Asalnya (Al-Qalb Wa Al-Irja`)

Pada dasarnya, terdapat suatu hukum yang mengarah seseorang seniman dalam proses kekreatifannya untuk menghasilkan karya seni Islam, iaitu mengubah dan mengembalikan tujuan penghasilan seni itu kepada sumber asalnya atau dalam bahasa Arabnya disebut sebagai Al-Qalb Wa al-Irja`.

Kaligrafi, dalam pengertian yang sederhana, iaitu mengubah kata menjadi bentuk tulisan. Tulisan ini pula akan mengembalikan kata itu kepada tujuan asalnya, iaitu Allah s.w.t (keindahan Allah). Allah s.w.t dari sudut kesenian Islam, merupakan permenungan

estetik yang pertama dan terakhir, iaitu sumber keseluruhan tujuan. Ini amat bersesuaian dengan firman Allah s.w.t yang bermaksud, “Dia adalah Yang Awal dan Akhir dan Yang Lahir dan Yang Batin” (Al-Quran, Al-Hadiid:3).

Hukum ini juga terdapat dalam seni hiasan, iaitu pola geometrik abstrak yang dilakarkan melalui garisan-garisan abstrak. Jika diteliti, sebenarnya pola itu akan mengembalikan kepada sumbernya yang asal, iaitu kewujudan Allah s.w.t yang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata mahupun tulisan. Pola ini merupakan penghembusan daripada firman Allah s.w.t yang bermaksud, “Kepada Allah jualah segala perkara dikembalikan” (Al-Quran, Ali ‘Imran:109).

Hukum ini juga wujud dalam pelbagai ragam manifestasi peradaban Islam. Kesenian Islam yang suci merupakan suatu ungkapan mengenai rahsia-rahsia yang lahir secara langsung mengenai kewujudan Allah s.w.t, perpaduan yang wujud dalam al-Quran, dan gagasan geometri seolah-olah tersembunyi di sebalik cahaya bentuknya yang dipenuhi oleh manifestasi tauhid.

5.3 SARANAN KAJIAN

Berdasarkan perbincangan dalam kajian ini, terdapat beberapa perkara lain yang boleh dibincangkan secara lebih lanjut. Justeru itu, kajian ini mengesyorkan beberapa saranan yang perlu dilihat oleh para pengkaji seterusnya dan umat Islam amnya dalam perkara-perkara berkaitan dengan kesenian kaligrafi Islam di Malaysia.

Antaranya ialah para intelektual Muslim perlu melibatkan diri dalam memelihara kesenian Islam yang dizahirkan dalam kaligrafi Islam sebagai salah satu kebudayaan bangsa Melayu di Malaysia. Mereka juga perlu membuat penyaringan untuk mengawal kemasukan pengaruh budaya asing yang tidak sesuai dengan keperibadian bangsa atau tidak mencapai tahap memperkaya kebudayaannya. Langkah yang perlu diberi perhatian ialah dengan memerangi nilai-nilai kuno yang boleh melemahkan bangsa dan wawasannya atau boleh menjatuhkannya daripada kreativiti, kemajuan, serta perubahan yang berkesinambungan.

Kajian ini juga ingin menyarankan agar suatu kajian dilakukan terhadap pengajaran sejarah kesenian kaligrafi Islam yang sepatutnya dipenuhi dengan pengajaran visual. Ini bermakna ia tidak harus tertumpu hanya untuk menyampaikan tarikh dan istilah, malah harus melihat ke arah pemupukan imaginasi visual. Tanpa menolak sama sekali kaedah perbandingan, kesejajaran mungkin dapat dikesan dalam bentuk-bentuk lain dan gaya tulisan yang bersesuaian. Pengajaran perlulah lebih tertumpu kepada kesenian Islam itu sendiri dengan menguatkan nilai-nilai keagamaannya.

Saranan ini diharap dapat membantu para pengkaji yang seterusnya untuk mendapat kesedaran yang jelas tentang apa yang mengisi sifat yang unik dalam kesenian kaligrafi Islam. Juga dengan menggambarkan kekayaan berbagai-bagai hasil kesenian kaligrafi Islam di Malaysia yang berkembang merentasi zaman dan ruang bagi menanggapi tema asas itu, akan dapat merangsangkan para pengkaji seterusnya untuk mencapai taraf kesempurnaan dalam daya penghasilan kesenian kaligrafi Islam. Ini juga dapat membantu para pengkaji untuk melahirkan kelainan-kelainan tanpa tergelincir daripada konsep kesatuannya yang asal.

Saranan juga dibuat agar suatu kajian yang lebih intensif untuk mengekalkan kesenian kaligrafi Islam di Malaysia yang telah mencetuskan tamadun Melayu Islam melalui penubuhan institusi-institusi khusus bagi pengajian pengabdian warisan budaya Islam. Di Malaysia terdapat beberapa institusi pendidikan yang menawarkan kursus-kursus dalam bidang seni tampak seperti Maktab Perguruan Ilmu Khas, Universiti Teknologi Mara, Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya dan sebagainya. Institusi-institusi ini mempunyai pendekatan yang berbeza dalam memberikan sumbangan terhadap kesenian Islam di Malaysia. Sebagai contoh, Universiti Institut Teknologi Mara juga pernah menawarkan kursus kaligrafi Islam di bawah bimbingan Allahyarham Haji Omar Basri.

Institusi-institusi lain, seperti Muzium Kesenian Islam Malaysia, juga memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan warisan peradaban Islam ini. Antaranya institusi ini pernah menganjurkan Kursus Seni Khat pada 13 Mei 2000. Walaupun kursus ini hanya ditawarkan kepada orang-orang dewasa, namun ia mampu untuk melahirkan generasi yang berkemahiran dalam kesenian ini bagi melanjutkan kelangsungan tamadun Melayu Islam di Malaysia.

Bagi menjayakan gagasan ini, institusi-institusi yang terlibat perlu membuat perancangan yang lebih sistematik dalam menawarkan kursus kesenian Islam, sekurang-kurangnya dapat menyeimbangkan kursus-kursus seni yang berorientasikan sejarah, amali, apresiasi dan metodologi Barat yang telah berakar umbi dalam institusi kesenian di Malaysia.

Selain saranan di atas, kajian ini juga mengesyorkan betapa perlunya peranan media elektronik seperti radio, televisyen, internet dan sebagainya untuk menyampaikan

maklumat-maklumat mengenai kaligrafi Islam di Malaysia. Sebagai contoh, rancangan Bincang Petang yang disiarkan oleh TV3 pada setiap hari Rabu, dari jam 3.00 hingga 4.00 petang, merupakan langkah bijak bagi mengekalkan kelangsungan tamadun Melayu Islam apabila membicarakan isu mengenai kegiatan kaligrafi Islam yang dihasilkan oleh seniman kaligrafi Islam di Malaysia. Rancangan yang menyentuh mengenai kesenian tersebut telah disiarkan pada 30 Ogos 2000.

Internet juga turut menyediakan kemudahan kepada para pengguna dengan mengadakan beberapa tapak web mengenai kaligrafi Islam. Tapak web ini membolehkan pengguna mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan kesenian tersebut. Antaranya ialah tapak web yang diberi nama "*Discover Islam*" yang dapat diperolehi melalui pelayaran di internet pada alamat <http://www.discoverislam.com>. Pada tapak web "*Discover Islam*" ini mengandungi satu galeri yang memuatkan 25 poster yang menggambarkan keunikan seni tradisional dan kaligrafi Islam dengan sentuhan grafik komputer. Selain itu juga, pengguna boleh mendapatkan maklumat-maklumat mengenai kaligrafi Islam melalui pelayaran internet pada alamat-alamat seperti <http://khat.hypermart.net/>, <http://www.albamas.co.id/calligraphy/kaligrafi.html>, <http://wysiwyg://41/http://bluemountain.com/eng/muslim/index.html> dan sebagainya.

Harapan yang tinggi juga diletakkan kepada umat Islam agar sentiasa menjaga warisan peradaban Islam ini dengan apa cara sekalipun selagi ia tidak bercanggah dengan ajaran dan ketetapan Islam. Ini adalah supaya warisan yang suci murni ini dapat dinikmati oleh generasi Islam yang akan datang. Semoga usaha yang telah dilakukan dalam kajian ini mendapat rahmat dan keberkatan daripada Allah s.w.t.